

Meneroka cabaran dan aspirasi pendidikan bagi masyarakat Iban di Betong, Sarawak

Vanessa Nini Ruwel & *Tharshini Sivabalan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak, 94300, Kota Samarahan, Sarawak

**Corresponding author: stharshini@unimas.my*

To cite this article (APA): Ruwel, V. N. ., & Tharshini, N. K. (2025). Meneroka cabaran dan aspirasi pendidikan bagi masyarakat Iban di Betong, Sarawak. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 15(1), 79-89. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol15.1.7.2025>

Received: 02 June 2025; **Revised:** 15 Nov 2024; **Accepted:** 03 June 2025; **Published:** 12 June 2025

Abstrak

Kualiti pendidikan yang bermutu dapat melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berfikiran secara kritis dan rasional, berkepakaran tinggi, serta mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh yang demikian, kajian ini telah dijalankan bagi meneroka secara lebih mendalam mengenai cabaran dan aspirasi pendidikan bagi masyarakat Iban di Betong, Sarawak menerusi sesi temubual mendalam. Persampelan bertujuan telah digunakan bagi mengumpul data bersama enam orang informan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada informan yang terlibat dalam kajian ini berada dalam lingkungan umur 19 hingga 41 tahun, telah menamatkan pelajaran setakat peringkat Diploma, serta sedang bekerja di bawah sektor kerajaan dan swasta. Informan yang terlibat dalam kajian ini berpendapat bahawa pelajar luar bandar berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menimba ilmu pengetahuan termasuk ketiadaan kemudahan pengangkutan awam ke sekolah, kekurangan tenaga pengajar di sekolah, kedudukan rumah yang jauh dari sekolah, dan kemudahan internet yang terhad. Seterusnya, dari aspek aspirasi masa hadapan pula informan menjelaskan bahawa jumlah asrama di kawasan luar bandar harus ditambah serta perlu wujud hubungan yang rapat di antara pihak pengurusan sekolah dengan ibu bapa. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi implikasi kepada pihak yang berkepentingan agar memperkasa pembangunan pendidikan di Betong, Sarawak agar anak-anak muda yang dilahirkan di lokaliti yang terpencil di Sarawak masih dapat menikmati prasarana serta mutu pendidikan yang berkualiti pada masa hadapan.

Kata kunci: Cabaran, aspirasi, Iban, luar bandar, pendidikan, Sarawak

Abstract

Quality education can produce knowledgeable human capital, capable of thinking critically and rationally, possessing high-level expertise, and engaging in lifelong learning. Therefore, this study was conducted to explore in greater depth the challenges and aspirations related to education among the Iban community in Betong, Sarawak, through in-depth interview sessions. Purposive sampling was employed to collect data from six informants. The findings revealed that the majority of the informants aged between 19 and 41 years old, had completed their education up to the Diploma level and were currently employed in both government and private sectors. The informants believed that rural students faced challenges in accessing education, including a lack of public transportation to school, a shortage of teachers, long distance between home and school, and limited internet access. In terms of future aspirations, the informants suggested increasing the number of dormitories in rural school areas and fostering closer relationships between school management and parents. It is hoped that the findings of this study will have implications for stakeholders in strengthening educational development in Betong, Sarawak, ensuring that young people in remote areas continue to have access to quality infrastructure and education in the future.

Keywords: Challenges, aspirations, Iban, rural, education, Sarawak

Pengenalan

Ketamadunan sesebuah masyarakat dipengaruhi oleh kualiti sistem pendidikan yang diterima oleh mereka. Menurut Samruhaizad Samian Samion dan Azahan Awang (2017), pendidikan adalah titik permulaan kepada pembelajaran sepanjang hayat sama ada dalam bidang keagamaan, sains, matematik, ilmu alam, sejarah, dan sebagainya. Bagi membina sebuah masyarakat madani, pendidikan yang berkualiti perlu diterapkan dalam diri setiap individu. Pembangunan pendidikan merupakan suatu proses sosial yang berlaku lantaran daripada pembangunan terancang dan pembangunan tidak terancang (Mula Kelabu & Kamal Solhaimi Fadzil, 2019). Secara amnya, tindakan pembangunan (*social engineering*) yang berlaku dalam persekitaran sosial melibatkan empat komponen utama iaitu; (i) perencanaan, (ii) pelaksanaan, (iii) penerimaan, dan (iv) pembiayaan (Mula Kelabu & Kamal Solhaimi Fadzil, 2019). Menurut Mula Kelabu dan Kamal Solhaimi Fadzil (2019), konteks lokal perlu dikenalpasti terlebih dahulu bagi mendukung aspirasi pembangunan pendidikan yang lebih holistik dalam persekitaran luar bandar.

Masyarakat Iban merupakan kumpulan etnik pribumi yang terbesar di negeri Sarawak. Perangkaan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) menunjukkan bahawa masyarakat Iban berjumlah 1,297,700 iaitu 45% daripada jumlah penduduk di Sarawak. Kebanyakan daripada kaum Iban menetap di bahagian Sri Aman, Betong, Kapit, Song, Bintulu, Sibu dan sepanjang Sungai Rajang. Selain daripada kebolehan bercucuk tanam dan memburu, masyarakat Iban juga mahir dalam menghasilkan kraftangan seperti pasu, tempayan, raga, dan tikar yang melambangkan identiti masyarakat itu sendiri. Dari aspek pendidikan pula, masyarakat Iban telah lama menerima ilmu yang bercorak keagamaan sebelum tertubuhnya pendidikan formal di Sarawak (Mujani & Yusuf, 2010).

Pada zaman pemerintahan James Brooke, sistem pengurusan sekolah telah berkembang secara lebih meluas sehingga tertubuhnya pelbagai sekolah mubaligh yang moden (Hoe & Haris Abd Wahab, 2014). Selepas mencapai kemerdekaan, ekosistem pendidikan tempatan di negeri Sarawak telah mula mencapai perubahan yang lebih positif seiring dengan arus pembangunan negara (Hoe & Haris Abd Wahab, 2014). Walaupun kerajaan pusat dan kerajaan negeri telah mengambil pelbagai langkah pragmatik dalam meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini; namun hakikatnya, masih wujud jurang yang ketara dalam tahap pencapaian akademik bagi pelajar yang berasal daripada kawasan luar bandar terutamanya dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jadual 1 menunjukkan pencapaian Gred Purata Nasional (GPN) bagi kawasan bandar dan luar bandar pada tahun 2017.

Jadual 1

Gred Purata Nasional 2017

Peperiksaan awam	Kawasan bandar	Betong, Sarawak
Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	2.76	3.01
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	4.75	5.22

Sumber: *Pengumuman analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*, Kementerian Pendidikan Malaysia

(<https://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/2018/Pengumuman%20Analisis%20Keputusan%20SPM%202017.pdf>). Hak cipta 2018 Kementerian Pendidikan Malaysia

Secara amnya, nilai GPN yang rendah melambangkan kadar pencapaian pelajar yang lebih baik. Berdasarkan kepada Jadual 1 adalah jelas bahawa wujud jurang perbezaan yang signifikan dalam kadar GPN khasnya bagi peperiksaan UPSR dan SPM bagi pelajar yang berasal daripada kawasan bandar dan luar bandar. Dalam konteks negeri Sarawak pula, didapati bahawa masyarakat Iban yang tinggal di kawasan luar bandar masih mundur lagi dalam arus pendidikan (Duncan Berinau Agun & Anuar Ahmad, 2016). Menurut Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Narimah Samat (2018), pelajar luar bandar tercicir dalam arus pendidikan disebabkan pelbagai faktor yang berbeza seperti kedudukan rumah yang jauh dari sekolah, kemiskinan mutlak, serta tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan.

Mantan Timbalan Menteri Pendidikan II, iaitu P. Kamalanathan pernah menyatakan bahawa pihak Kementerian Pendidikan sedang mengkaji serta merangka pelan tindakan bagi menambahkan lagi jumlah asrama disamping membina lebih banyak sekolah berdekatan dengan kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak (Arfa Yunus, 2014). Hal ini kerana, masih terdapat ramai daripada pelajar di kawasan luar bandar dan pedalaman Borneo yang terpaksa berjalan kaki antara tiga hingga enam jam sehari merentasi hutan atau menggunakan perkhidmatan bot ekspres untuk berulang-alih ke sekolah (Arfa Yunus, 2014).

Kesukaran untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu juga menyebabkan segelintir daripada pelajar Iban kurang berminat untuk pergi ke sekolah (Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017). Selain itu, tahap sosioekonomi yang rendah dalam kalangan masyarakat Iban luar bandar turut

menyebabkan kebanyakan besar daripada ibu bapa berhadapan dengan kesulitan untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Secara lazimnya, situasi ini berlaku akibat daripada kebergantungan sepenuhnya terhadap hasil pertanian sahaja bagi menampung kelangsungan kehidupan mereka (Aszlan Selamat & Mohamad Iszuan Safarudin, 2017). Jadual 2 menunjukkan statistik pendapatan bagi penduduk di daerah Betong, Sarawak pada tahun 2020 dimana kawasan ini sebenarnya telah dipilih sebagai lokasi penyelidikan dalam kajian ini.

Jadual 2

Statistik Pendapatan di Daerah Betong, Sarawak pada Tahun 2020

Item	Jumlah
Penengah	RM2,782
Purata	RM3,962
Kemiskinan mutlak	22.4%
Pekali gini	0.374

Sumber: *Buku tahunan perangkaan Malaysia 2020*, Jabatan Perangkaan Malaysia (https://seadelt.net/Asset/Source/Document_ID-534_No-01.pdf). Hak cipta 2020 Jabatan Perangkaan Malaysia


Berpandukan kepada Jadual 2, adalah ketara bahawa peratusan kemiskinan mutlak dalam kalangan penduduk di daerah Betong, Sarawak adalah tinggi iaitu berjumlah 22.4%. Menurut Berma (2001), masih terdapat isi rumah yang hidup di bawah garis kemiskinan di Betong, Sarawak iaitu dengan kadar pendapatan sebanyak RM593.00 sahaja. Memandangkan pendapat serta cadangan penduduk tempatan adalah penting dalam usaha merancang pelan tindakan yang berkesan, maka kajian ini telah dijalankan dalam kalangan masyarakat Iban yang tinggal di Betong, Sarawak bagi meneroka cabaran dan aspirasi pendidikan mereka.

Kerangka konseptual

Kerangka konseptual kajian ini dibina berpandukan kepada dua isu utama yang dihadapi oleh masyarakat Iban di Betong, Sarawak.

Rajah 1

Kerangka Konseptual



Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Meneroka cabaran pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat Iban di Betong, Sarawak.

- (ii) Meneliti harapan masyarakat Iban dalam usaha menambahbaik kualiti pendidikan di Betong, Sarawak.

Metodologi

Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian merupakan suatu perancangan tindakan untuk menentukan bagaimana sesuatu penyelidikan akan dijalankan (Kean Hua, 2016; Tharshini & Fauziah Ibrahim, 2020). Menurut Kean Hua (2016), kajian kualitatif merupakan kajian yang menggunakan data-data dalam bentuk temubual, pemerhatian, dokumen, dan artifak. Dalam konteks kajian ini pendekatan kajian kes yang melibatkan kaedah temubual mendalam telah digunakan bagi mengumpul data kajian.

Responden kajian

Menurut Abd. Hamid dan Mohd. Azhar (2012), bilangan sampel bagi kajian kualitatif adalah kecil sahaja. Oleh yang demikian sejumlah enam orang telah bersetuju untuk menjadi informan kajian secara sukarela. Selain itu, oleh kerana persampelan kajian merupakan suatu elemen yang amat penting dalam sesebuah kajian, maka pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi menetapkan sampel kajian berdasarkan kepada kriteria berikut:


- (i) Lelaki dan perempuan
- (ii) Tinggal di daerah Betong, Sarawak
- (iii) Berumur 18 tahun dan ke atas
- (iv) Berbangsa Iban

Lokasi kajian

Lokasi yang telah dipilih bagi kajian ini adalah sebuah rumah panjang di daerah Betong iaitu Kampung Buyong Panjang Bangat. Secara amnya, bahagian Betong merangkumi beberapa daerah-daerah kecil seperti Betong, Debak, Maludam, Pusa, dan Spaoh. Rajah 2 menunjukkan lokasi kajian ini.

Rajah 2

Lokasi Betong, Sarawak



Kesahan muka

Tiga orang pakar dalam bidang Antropologi dan Sosiologi serta dua orang pakar dalam bidang Pendidikan dengan pengalaman lebih daripada 10 tahun telah dilantik bagi meneliti soalan temubual. Secara lazimnya, penglibatan mereka adalah penting bagi melakukan semakan terhadap soalan temubual supaya keselarian antara soalan temubual dengan objektif kajian dapat dicapai. Hasil semakan pakar bidang mendapati bahawa tiada soalan digugurkan kerana kesemua item soalan adalah bersesuaian dengan objektif kajian. Namun, dari aspek bahasa dan

kandungan soalan, pakar bidang memberi komen agar sedikit penambahbaikan dilakukan sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Rumusan Komen Pakar Bidang

Panel	Bidang kepakaran	Tempoh pengalaman	Komen
Panel 1	Sosiologi umum	15	Soalan menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.
Panel 2	Sosiologi pendidikan luar bandar	11	Mohon menambah jumlah soalan berkaitan dengan isu pendidikan di kawasan luar bandar.
Panel 3	Antropologi budaya	10	Perbaiki soalan 3 & 8 dari aspek bahasa, buang perkataan “adakah bersetuju”.
Panel 4	Psikologi pendidikan	12	Soalan menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.
Panel 5	Teknologi pendidikan	12	Dicadangkan untuk menambah soalan berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat serta penerimaan STEM dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Proses pengumpulan data

Bagi mendapatkan maklumat yang lengkap berkaitan dengan cabaran dan aspirasi pendidikan bagi masyarakat Iban di Betong, Sarawak, kaedah temubual mendalam telah digunakan bagi mengumpul data kajian. Penggunaan kaedah ini bertepatan dengan pandangan Kean Hua (2016) yang menjelaskan bahawa temubual mendalam dapat membantu seseorang pengkaji untuk memahami serta mendalami aspek kehidupan, pengalaman, dan situasi semasa yang dialami oleh seseorang individu.

Sebelum temubual dijalankan, pengkaji telah berjumpa dengan kesemua enam orang informan yang telah bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini bagi memberikan penerangan ringkas mengenai temubual yang bakal dijalankan. Pada peringkat ini, informan juga diberikan kebebasan untuk menetapkan tarikh dan masa untuk ditemubual mengikut kelapangan mereka. Seterusnya, temubual dijalankan secara berasingan bersama setiap informan bagi memastikan agar isu kerahsiaan terjamin.

Sepanjang proses temubual dijalankan pengkaji turut melakukan pemerhatian terhadap aspek-aspek *non-verbal* seperti reaksi muka, cara pertuturan, gerak badan, kontak mata, serta nada suara bagi memahami tindak balas yang dipamerkan oleh setiap informan. Untuk tujuan pengumpulan data kajian, alat perakam suara telah digunakan bagi merakam sesi temubual di antara pengkaji dan informan. Kebenaran daripada informan telah diminta terlebih dahulu bagi tujuan merakam data kajian. Data yang diperolehi menerusi rakaman suara seterusnya telah dibaca, ditranskrip, dan dikodkan mengikut kategori tema yang bersesuaian dengan konteks kajian.

Kaedah analisis data

Kaedah analisis data merupakan satu proses yang penting dalam menjalankan sesebuah penyelidikan. Dalam kajian ini, data yang telah diperolehi dianalisis mengikut empat peringkat yang berbeza iaitu; (i) peringkat familiarisasi, (ii) peringkat transkripsi, (iii) peringkat organisasi data, serta (iv) peringkat pengkodan dan mengenalpasti tema.

Peringkat familiarisasi

Pengkaji telah mendengar semula rakaman suara secara berulang-kali serta membaca catatan yang terdapat dalam nota lapangan sebelum proses transkripsi dimulakan secara formal. Semua sesi pertemuan bersama informan telah dilakukan oleh pengkaji sendiri tanpa melibatkan penyertaan pembantu penyelidik bagi meningkatkan lagi pemahaman serta mendapatkan gambaran jelas mengenai isu yang ingin diteroka dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, setiap sesi temubual bersama informan mengambil masa selama 45 minit sehingga 1 jam.

Peringkat transkripsi

Proses transkripsi merupakan suatu peringkat dimana pengkaji memindahkan keseluruhan hasil rakaman percakapan serta catatan nota lapangan dalam bentuk penulisan. Bagi setiap sesi pertemuan yang telah dijalankan, transkripsi verbatim telah dilakukan dalam tempoh 24 jam agar pengkaji dapat mengimbas semula setiap pertemuan bersama informan dengan lebih jelas. Semua maklumat yang dinyatakan oleh informan telah ditranskripsikan dalam bentuk perkataan dengan penuh etika sepertimana yang telah diucapkan oleh informan.

Pengkaji turut memasukkan kiu tanpa lisan seperti perkataan “*eer*” dan “*ahh*” dalam transkripsi kerana ia mampu memberikan makna tambahan kepada ayat yang telah diucapkan oleh informan.

Peringkat organisasi data

Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, pengkaji telah memberikan kod kepada setiap transkripsi yang lengkap serta mencatatkan maklumat tambahan seperti tarikh dan masa temubual dijalankan. Pada tahap ini, pengkaji juga telah memastikan bahawa sebarang pengenalan diri berkaitan dengan informan dikodkan dengan menggunakan nama samaran agar identiti mereka dapat dilindungi. Selepas proses organisasi data selesai, pembacaan semula dilakukan bagi memastikan output transkripsi yang telah disiapkan difahami sepenuhnya oleh pengkaji sebelum peringkat pengenalanpasti tema dimulakan.

Peringkat pengekodan dan mengenalpasti tema

Memandangkan data dianalisis secara manual, maka pengkaji membaca semula hasil transkripsi secara berulang-kali bagi memastikan agar tema dan sub-tema yang tepat, kukuh dan jelas diperolehi. Seterusnya, proses penganalisaan data diteruskan sehingga mencapai tahap ketepuan data (*saturation of data*), dimana pada peringkat ini tiada lagi tema baharu yang ditemui.

Dapatan kajian dan perbincangan

Profil demografi dalam Jadual 4 mewakili maklumat asas yang berkaitan dengan informan kajian.

Jadual 4

Profil Demografi

Profil	Deskripsi
<i>Umur</i>	
Informan 1	19
Informan 2	21
Informan 3	22
Informan 4	39
Informan 5	35
Informan 6	41
<i>Jantina</i>	
Informan 1	Lelaki
Informan 2	Lelaki
Informan 3	Perempuan
Informan 4	Perempuan
Informan 5	Lelaki
Informan 6	Perempuan
<i>Status Perkahwinan</i>	
Informan 1	Bujang
Informan 2	Bujang
Informan 3	Bujang
Informan 4	Berkahwin
Informan 5	Berkahwin
Informan 6	Berkahwin
<i>Taraf Pendidikan</i>	
Informan 1	SPM
Informan 2	STPM
Informan 3	Diploma
Informan 4	UPSR
Informan 5	Diploma
Informan 6	SRP
<i>Pekerjaan</i>	
Informan 1	Pelajar
Informan 2	Pelajar
Informan 3	Pelajar
Informan 4	Bekerja di sektor swasta
Informan 5	Bekerja di sektor kerajaan
<i>Lokasi informan</i>	
Informan 1	Spaoh

continued

Informan 2
Informan 3
Informan 4
Informan 5
Informan 6

Maludam
Spaoh
Nanga Budu
Maludam
Maludam

Cabaran pendidikan di Betong, Sarawak

Bahagian ini melaporkan mengenai cabaran pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat Iban di Betong, Sarawak. Secara amnya terdapat empat isu utama yang diketengahkan oleh informan iaitu; (i) ketiadaan kemudahan pengangkutan, (ii) kekurangan tenaga pengajar, (iii) kedudukan lokasi perumahan yang jauh dari sekolah, dan (iv) masalah capaian internet yang terhad.

Kemudahan pengangkutan awam

Informan 1 menyatakan bahawa ketiadaan pengangkutan awam di Betong, Sarawak menyebabkan ramai daripada anak-anak Iban berhadapan dengan kesukaran untuk pergi ke sekolah.

“Banyak masalah kami yang tinggal di pedalaman, macam pengangkutan. Kami sukar untuk pergi sekolah dan tiada internet kerana rumah kami jauh dari bandar” (Informan 1).

Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian Ilah Hafiz Aziz (2022), Mazdi Marzuki et al. (2014), dan Tan (2016) yang mendapati bahawa isu pengangkutan merupakan salah satu punca utama yang menghalang aksesibiliti pelajar luar bandar untuk pergi ke sekolah. Walaupun kerajaan negeri Sarawak telah menyediakan perkhidmatan bas sekolah secara percuma bermula daripada 3 Ogos 2020, namun operasi bus tersebut hanya melibatkan 30 buah sekolah di sekitar daerah Kuching dan Padawan sahaja (Astro Awani, 2020). Justeru itu, terdapat keperluan bagi memperluaskan lagi projek sebegini di Betong, Sarawak agar pelajar yang berasal daripada kawasan luar bandar dapat pergi ke sekolah dengan mudah. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia serta Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak untuk memastikan agar setiap pelajar yang berasal daripada kawasan luar bandar dapat belajar dalam suasana yang lebih selamat dan kondusif walaupun mereka berasal daripada lokaliti yang agak terpencil.

Kekurangan tenaga pengajar

Isu kekurangan tenaga pengajar turut menjadi salah satu masalah utama di sekolah luar bandar. Sebagai contoh, Informan 2 menyatakan bahawa kekurangan tenaga pengajar telah mempengaruhi kualiti pendidikan yang diterima oleh masyarakat Iban yang tinggal di Betong, Sarawak.

“Guru-guru tidak mahu ajar di luar bandar” (Informan 2).

Presiden Kesatuan Guru Sarawak (STU) iaitu Adam Prakash Abdullah menjelaskan bahawa Sarawak berdepan dengan masalah kekurangan guru yang kronik iaitu dengan jumlah 3,000 kekosongan (Joni, 2021). Secara amnya, setiap guru, sama ada yang bertugas di kawasan bandar mahupun luar bandar akan berhadapan dengan cabaran yang tersendiri dalam mendidik anak murid mereka. Akan tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa para guru yang mengajar di sekolah luar bandar dan pedalaman seringkali berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran termasuk masalah kemudahan asas, kekangan alat bantu mengajar, serta isu ketidakhadiran pelajar ke sekolah (Sylvia Tesalonica Berandah et al. (2024); Andang Andaiyani Ahmad & Abdul Sain Ambotang, 2020). Secara tidak langsung, isu-isu sebegini mungkin menyebabkan para tenaga pengajar kurang berminat untuk mengajar di kawasan luar bandar seperti Betong, Sarawak.

Kedudukan rumah yang jauh

Informan 3 menjelaskan bahawa kebanyakan daripada rumah pelajar adalah agak jauh daripada kawasan sekolah. Hasil temubual bersama informan adalah seperti berikut:

“Sebenarnya ramai murid tinggal jauh dari sekolah. Nak sampai sekolah pun boleh sampai dua jam” (Informan 3).

Mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato Seri Najib Razak pernah berkata bahawa lokasi sekolah yang jauh (sehingga 25 hingga 40 kilometer) daripada penempatan komuniti asal menjadi salah satu faktor utama yang penyumbang kepada keciciran dalam pendidikan bagi masyarakat luar bandar (Malaysia Kini, 2011; Olgun et al.,

2009). Selain itu, motivasi untuk menimba ilmu juga semakin menurun terutamanya apabila pelajar perlu mengeluarkan duit yang banyak pada setiap hari untuk menaiki bot ekspres terutamanya bagi mereka yang tinggal di lokasi perumahan yang jauh daripada sekolah (Nas Norziela Nasbah, 2022; Ong, 2016). Secara tidak langsung, isu pengangkutan dan lokasi perumahan turut menyumbang kepada masalah keciciran dalam pelajaran khasnya bagi pelajar luar bandar.

Kemudahan internet

Menurut Informan 5 capaian internet yang lemah adalah antara kekangan utama yang dihadapi oleh kebanyakan daripada sekolah yang berada di Betong, Sarawak.

“Dunia makin maju. Tapi setengah sekolah di Betong ini masih tiada internet. Ada kala sanggat lemah”
(Informan 5).

Premier negeri Sarawak iaitu Datuk Patinggi Anak Johari Tun Openg menjelaskan bahawa walaupun kebanyakan daripada daerah di Sarawak sudah mempunyai menara komunikasi namun lokasi tersebut masih tidak dilengkapi dengan piring pemancar satelit internet kerana segelintir daripada syarikat telekomunikasi berpendapat bahawa penyediaan kemudahan internet di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak menguntungkan mereka (jumlah pengguna yang amat rendah) (Abang Ismail Abang Suud, 2022; Berita Harian, 2021). Oleh yang demikian, diharap agar kerajaan negeri dapat bertindak secara lebih progresif dalam merangka pelan tindakan serta mencari solusi terbaik bagi menangani isu talian Internet di kawasan luar bandar seperti Betong, Sarawak. Hal ini kerana, kedaifan sistem jaringan telekomunikasi dibimbangi akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Tambahan pula, disarankan agar pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani isu ini kerana berpandukan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan serta pindaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) adalah penting agar penduduk peribumi Sarawak mendapat hak pendidikan yang setaraf dan efektif agar golongan ini tidak menjadi “*lost generation*” dalam arus pendidikan.

Harapan masyarakat Iban dalam usaha menambahbaik kualiti pendidikan di Betong, Sarawak

Bahagian ini melaporkan mengenai harapan yang telah dikongsikan oleh informan agar masyarakat Iban di Betong, Sarawak dapat berjaya dalam arus pendidikan. Antara aspirasi mereka adalah; (i) menambahbaik kemudahan infrastruktur asrama di sekolah luar bandar, (ii) perlunya hubungan yang baik di antara pihak sekolah dan ibu bapa, serta (iii) keperluan mempunyai tenaga pengajar yang komited.

Menambahbaik kemudahan infrastruktur asrama

Informan 1 menzahirkan harapan beliau agar infrastruktur di sekolah asrama ditambahbaik lagi di daerah Betong, Sarawak.

“Pada pendapat saya, ibu bapa boleh bantu anak untuk berjaya dalam pelajaran. Contoh, kena ada banyak lagi asrama penuh di luar bandar. Anak-anak boleh tinggal sana. Tapi, kena baiki keadaan asrama yang serba kurang supaya anak kita dapat belajar lebih fokus.” - (Informan 1).

Secara amnya, hampir semua sekolah rendah dan menengah di daerah Betong, Sarawak mempunyai kemudahan sekolah asrama memandangkan jarak di antara rumah pelajar dan sekolah adalah jauh. Namun demikian, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) perlu lebih peka dalam menambahbaik prasarana dan keperluan asas di asrama yang meliputi tandas, bilik mandi, tempat menyidai pakaian, dan dewan makan. Presiden Kumpulan Pemikir Dayak iaitu Willie Henry Majang menjelaskan bahawa kebanyakan daripada kemudahan di asrama seperti katil, tilam, almari, dan kabinet adalah dalam keadaan usang (Awg Kasmurie Awg Kitot & Arba'iyah Mohd Noor, 2017; Utusan Borneo Online, 2018; Semke & Sheridan, 2011). Secara tidak langsung, keadaan ini dijangka mampu mengganggu emosi pelajar serta menimbulkan suasana yang tidak kondusif dan selesa untuk tinggal di asrama. Seterusnya, kerajaan negeri juga sewajarnya memantau kekurangan sebegini serta melakukan kerja-kerja penambahbaikan secara berperingkat dengan memberi keutamaan kepada sekolah asrama yang daif di Betong, Sarawak. Selain itu, ibu bapa perlu membuat aduan jika terdapat masalah di asrama demi menjamin keselesaan dan manfaat yang bakal diterima oleh anak mereka di sekolah.

Kerjasama erat antara penurusan sekolah dan ibu bapa

Kerjasama era antara para guru dan ibu bapa adalah amat penting demi menjamin kejayaan pelajar. Menerusi temubual yang telah dijalankan, Informan 6 menyatakan bahawa:

“Saya rasa pengaturan yang lebih baik perlu. Pengetua, cikgu-cikgu kena bantu sama-sama orang di pedalaman” (Informan 6).

Pihak pentadbiran sekolah serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu bekerjasama bagi memastikan agar prestasi akademik pelajar berada dalam keadaan yang memberangsangkan (Nurul Athirah, 2022). Dalam usaha merapatkan jurang prestasi di antara pelajar bandar dan luar bandar, program-program permuafakatan akademik wajar dianjurkan dengan lebih kerap demi memancu pembangunan modal insan dalam kalangan pelajar luar bandar di Sarawak. Selain itu, bagi melahirkan pelajar luar bandar yang holistik, pihak pentadbiran sekolah, para guru, serta ibu bapa perlu memastikan agar nilai-nilai murni seperti empati, jati diri, adab sopan, rasional, artikulasi, dan ketrampilan diterap dalam diri pelajar bagi melahirkan generasi masa hadapan yang berkeperibadian unggul serta mampu bersaing di peringkat global.

Komitmen daripada tenaga pengajar

Informan 5 menyatakan bahawa para guru yang mengajar di sekolah luar bandar sewajarnya bersikap lebih komited untuk melahirkan generasi muda yang berilmu dan berdaya saing.

“Guru yang mengajar di Betong, Sarawak jangan sambil lewa mengajar anak-anak luar bandar walaupun pelajar tidak banyak terutama sekolah yang jauh di pedalaman” (Informan 5).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam iaitu Tan Sri Mohd Khairul Abib Abd Rahman menegaskan bahawa penjawat awam seharusnya lebih bersemangat untuk berkhidmat demi rakyat dan negara serta sama-sama membantu pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah rakyat (Bernama, 2021). Lantaran itu, para guru yang dihantar untuk bertugas di sekolah luar bandar perlu bersikap lebih bertanggungjawab dalam mengalas amanah yang diberikan kepada mereka (Andang Andaiyani Ahmad, & Abdul Sain Ambotang, 2020; Nur Faezah Arfan & Dg Norizah Ag Kiflee Dzulkifli, 2018). Selain itu, sebagai seorang warga pendidik kewajipan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada mereka perlu dipikul sebaik mungkin demi kepentingan dan kebajikan pelajar.

Kesimpulan dan Cadangan

Pembangunan pendidikan di daerah Betong, Sarawak perlu dipertingkatkan lagi bagi melahirkan masyarakat madani yang seimbang dan mampan. Oleh yang demikian, kerajaan pusat dan kerajaan negeri perlu memberikan perhatian khasnya terhadap anak-anak Iban yang lahir di lokaliti yang terpencil agar golongan ini juga dapat menikmati prasarana dan kualiti pendidikan yang bermutu dan berkualiti tinggi. Berpanduan kepada pandangan dan aspirasi yang telah diutarakan oleh kesemua informan kajian adalah jelas bahawa masyarakat Iban di daerah Bentong, Sarawak amat mengharapkan agar anak-anak mereka yang dilahirkan di kawasan luar bandar turut merasai manfaat pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Justeru itu, bagi memperkasa pembangunan pendidikan dalam kalangan masyarakat Iban di luar bandar adalah penting agar pandangan serta pendapat masyarakat tempatan diambil perhatian oleh pihak yang berkepentingan bagi meningkatkan lagi kesefahaman di antara kehendak masyarakat setempat dengan visi/misi kerajaan pusat/negeri.

Perisytiharan konflik kepentingan

Tiada sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

Sumbangan pengarang

Vanessa Nini Ruwel: Penulisan draf awal, analisis data.

Tharshini Sivabalan: Perbincangan, semakan isi kandungan, dan pengurusan manuskrip untuk penerbitan

Pernyataan ketersediaan data

Data yang menyokong dapatan kajian ini akan dikongsi sekiranya terdapat permintaan kepada pengarang.

Penghargaan

Ucapan ribuan terima kasih dirakamkan kepada semua informan di atas kesudian mereka untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

Rujukan

- Abang Ismail Abang Suud. (2022). Sekolah usang komunikasi, Internet di Sarawak perlu diberi perhatian. *Utusan Borneo Online*. <https://www.utusanborneo.com.my/2022/02/18/sekolah-usang-komunikasi-internet-di-sarawak-perlu-diberi-perhatian>
- Abd. Hamid, & Mohd. Azhar. (2012). *Pengalaman transformasi perspektif individu Cina muslim terhadap agama Islam di Johor Bahru* [Disertasi doktoral yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Andang Andaiyani Ahmad, & Abdul Sain Ambotang. (2020). Gaya pembelajaran dan persekitaran sekolah serta perkaitannya dengan kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah luar bandar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 141-148. <https://doi.org/nz4n>
- Arfa Yunus. (2014). Cabaran pelajar Sabah, Sarawak jadi tumpuan Kementerian Pendidikan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cabaran-pelajar-sabah-sarawak-jadi-tumpuan-kementerian-pendidikan-39337>
- Astro Awani. (2020). *Perkhidmatan bas sekolah percuma di Sarawak bermula 3 Ogos 2020*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perkhidmatan-bas-sekolah-percuma-di-sarawak-bermula-3-ogos-2020-251365>
- Aszlan Selamat, & Mohamad Iszuan Safarudin. (2017). Penilaian faktor-faktor kesenjangan etnik di Malaysia sebagai penghalang perpaduan nasional. *Jurnal Kinabalu*, 19, 78-93. <https://doi.org/n3v4>
- Awg Kasmurie Awg Kitot, & Arba'iyah Mohd Noor. (2017). Usaha Abang Yusuf Puteh memartabatkan pendidikan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak. *Sarjana*, 32(2), 13-28. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SARJANA/article/view/12533>
- Berita Harian. (2021). *Sarawak pastikan rakyat pedalaman nikmati kemudahan akses internet*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/882197/sarawak-pastikan-rakyat-pedalaman-nikmati-kemudahan-akses-internet>
- Berma, M. (2001). Constraints to rural community involvement and "Success" in non-agricultural activities: Some evidence from Sarawak, Malaysia [Kekangan terhadap penglibatan komuniti luar bandar dan kejayaan dalam aktiviti bukan pertanian: Beberapa bukti dari Sarawak, Malaysia]. *Humanomics*, 17(1), 99-115. <https://doi.org/dw3xp3>
- Bernama. (2021). *KPPA Tegur Penjawat Awam Isu Kerja Sambil Lewa, Tak Cekap*. Malaysian National News Agency. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1965594>
- Dayang Sufilkawany Ujai, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 7(1), 74-84. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/135>
- Duncan Berinau Agun, & Anuar Ahmad. (2016, October). *Living in the longhouse and Iban student academic achievement: Issues and challenges* [Kehidupan di rumah panjang dan pencapaian akademik pelajar Iban: Isu dan cabaran; Pembentangan kertas kerja]. International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016), Bandung, Indonesia. <https://www.researchgate.net/publication/320044198>
- Hoe, K. C., & Haris Abd Wahab. (2014). Kesan persekitaran fizikal ke atas keterlibatan komuniti Iban dalam program pembangunan di rumah panjang: suatu pemerhatian awal. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 127-132. <https://journalarticle.ukm.my/7136/>
- Ilah Hafiz Aziz. (2022). Murid gadai nyawa seberang sungai guna rakit, bakul. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/882197/sarawak-pastikan-rakyat-pedalaman-nikmati-kemudahan-akses-internet>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Buku tahunan perangkaan Malaysia 2020*. https://seadelt.net/Asset/Source/Document_ID-534_No-01.pdf
- Joni, M. (2021). Sarawak kekurangan 3,000 guru. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/05/704269/sarawak-kekurangan-3000-guru>
- Kean Hua, A. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu kajian literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(2), 17-24. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i2.8>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pengumuman analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*. <https://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/2018/Pengumuman%20Analisis%20Keputusan%20SPM%202017.pdf>

- Malaysia Kini. (2011). *PM: Sekolah jauh punca anak Orang Asli tercicir*. <https://www.malaysiakini.com/news/157123>
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil, & Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189-198. <http://www.ukm.my/geografia/v2/index.php>
- Mula Kelabu, & Kamal Solhaimi Fadzil. (2019). Realiti dan aspirasi pembangunan masyarakat Iban di pedalaman daerah Song, Kapit, Sarawak: Kajian kes di tiga buah rumah panjang. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 30, 131-149. <https://doi.org/g5pb5n>
- Nas Norziela Nasbah. (2022). Sanggup berpisah dengan keluarga seawal 7 tahun demi ilmu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2022/10/1014180/sanggup-berpisah-dengan-keluarga-seawal-7-tahun-demi-ilmu>
- Nur Faezah Arfan, & Dg Norizah Ag Kiflee Dzulkifli. (2018). Kepimpinan pengajaran, sekolah berkesan dan peradaban organisasi di pedalaman Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 127 - 136. <https://www.msocalsciences.com/index.php/mjssh/article/view/90>
- Nurul Athirah. (2022). Sekolahku sejahtera: Penerapan nilai terbaik untuk murid. *Dewan Masyarakat*. <https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2022/06/13/6977/>
- Olgun, A., Gumus, S. G., & Adanacioglu, H. (2009). Schooling and factors affecting decisions on schooling by household members in the rural areas of Turkey. *Social Indicators Research*, 98(3), 533-543. <https://doi.org/bkxhp3>
- Ong, K. M. (2016). Sarawak - kisah dua wilayah: Jurang pendidikan. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/340356>
- Samruhaizad Samian Samion, & Azahan Awang. (2017). Pendidikan sebagai komponen kualiti hidup masyarakat pinggir bandar [Education as quality components of life in the suburban community]. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1), 267-280. <https://spai.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/26>
- Semke, C. A., & Sheridan, S. M. (2011). Family-school connections in rural educational settings: A systematic review of the empirical literature [Hubungan keluarga-sekolah dalam persekitaran pendidikan luar bandar: Kajian sistematik terhadap literatur empirikal]. *The School Community Journal*, 22(1), 21-48.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan. *e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(2), 11-23. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/26796>
- Sylvia Tesalonica Berandah, & Tharshini, N. K. (2024). Meneroka persepsi golongan pendidik terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 49(2), 33-41. DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2024-49.02-04>
- Tan, S. L. (2016). Penduduk Kapit di Sarawak tidak mahu tinggal macam di pulau. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/penduduk-kapit-di-sarawak-tidak-mahu-tinggal-macam-di-pulau-104561>
- Tharshini, N. K., & Fauziah Ibrahim. (2012). Faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian: Satu kajian ulasan sistematik. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 12(1), 28-38. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/3852>
- Utusan Borneo Online. (2018). Banyak 'keperluan kecil' terlepas pandang di sekolah luar bandar. *Citra Generasi Prihatin*. <https://www.utusanborneo.com.my/2018/01/04/banyak-keperluan-kecil-terlepas-pandang-di-sekolah-luar-bandar>
- Wan Kamal Mujani, & Noranizah Yusuf. (2010). Islam dan missionari di Sarawak: Kesan terhadap pendidikan pada Zaman Crown Colony, 1841-1941. *Sosiohumanika: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 3(2), 219-242. <https://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/414>